

updated 12:53 AM UTC,
Mar 2, 2020

Carian..... 

TERAJU terima RM15 juta laksanakan SUPERB tahun ini

Februari 27, 2020 Ditulis oleh Media Baharu Published in Nasional

Tweet

1
Like
Share



Hits: 131



Cetak



Emel



KOTA BHARU, 27 Feb - Kementerian Hal Ehwal Ekonomi memperuntukkan RM15 juta kepada Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) bagi melaksanakan program Skim Permulaan Usahawan Bumiputera (SUPERB) tahun ini.

Program berasaskan pertandingan itu menawarkan hadiah dalam bentuk Geran Pembangunan Perniagaan sehingga RM500 ribu kepada usahawan belia bumiputera berumur di antara 21 hingga 40 tahun.



Menteri Koperasi dan Perdagangan Antar-Negeria Pegawai Eksekutif TERAJU, Md Silmi Abd Rahman, dalam proses akhir perancangan dan tempoh permohonan pada akhir April depan.

Jelas beliau, pengenalan program di bawah skim tersebut serta beberapa pendekatan lain merupakan inisiatif TERAJU bagi membantu meningkatkan kreativiti dan daya saing usahawan belia bumiputera.

Beliau ditemui selepas sesi perkongsian dan bersama 150 usahawan Pantai Timur di Kota Bharu.

Program SUPERB dilaksanakan mulai 2014 bertujuan mengetengahkan usahawan permulaan belia bumiputera yang mempunyai inovasi baharu selain menerapkan amalan kreatif dalam penghasilan produk perniagaan mereka.

Sementara itu, dalam menangani jurang pendapatan dan ekonomi penduduk terutama kumpulan B40 dan M40, TERAJU turut memperuntukkan RM7.5 juta di bawah program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) di Wilayah Pantai Timur tahun ini.

LAGI BERITA NASIONAL

[Penafian Pengisytiharan Cuti Umum Pada Hari Isnin 2 Mac 2020](#) (7357) 01-03-2020 19:32:40

[Lee Hsien Loong pemimpin asing pertama ucap tahniah kepada Tan Sri Muhyiddin Yassi](#) (59) 01-03-2020 19:24:10

[Pelbagai pertunjukan menarik hiasi sambutan Hari Tentera Darat ke-87 di Kota Kinabalu](#) (61) 01-03-2020 19:07:52

[Hormati titah Agong berhubung pelantikan PM ke-8](#) (97) 01-03-2020 19:03:20

[COVID-19; Empat kes baharu dilaporkan](#) (154) 01-03-2020 16:40:49